


BELATUK PINANG MUDA
Common Flameback Woodpecker

FAMILI: Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Dinopium javanense*



CIRI-CIRI

Spesies ini seakan-akan sama dengan Belatuk Pinang Tua (*C. lucidus*) tetapi ia mempunyai garisan di bahagian atas paruh berwarna kehitaman. Bahagian belakang tengkuk dan bahagian atas sayap berwarna hitam manakala bahagian depan kepala berwarna hitam pudar manakala atas kepala dan jambul berwarna merah. Bagi burung betina, jambul dan bahagian atas kepala berwarna hitam dengan terdapat garis-garis putih. Bagi burung juvenil pula, bahagian dada berwarna coklat kehitaman dengan tompokan putih. Bagi juvenile jantan, bahagian dahi agak kehitaman dan jambul berwarna merah.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 28.0-30.0 sm.

MAKANAN

Kumbang, semut, serangga kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Mendiami Kawasan hutan dipterokap, kawasan semak, taman, kawasan perladangan dan kadang kala paya bakau. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 800 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *ka-di-di-di-di-di....* yang panjang. Kadang kala ia mengeluarkan bunyi *kow* dan *juga kowp-owp-owp*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan daripada bulan Januari hingga bulan Oktober pada sepanjang tahun. Sarang dibina pada lubang-lubang pada dahan pokok dan ketinggian sarang adalah 1.4-10 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah putih. Anggaran saiz telur adalah 29 x 19.1 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.